



9 Julai 2012

Pelatih beri keterangan

KOTA BHARU: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kelantan sudah mengambil keterangan lima bekas pelatih Pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah Darul Hanan, Tumpat berhubung dakwaan diberikan ubat tidur serta dicacah tatu ketika menjalani rawatan pemulihan di pusat rawatan itu.

Pengarahnya, Suriani Mustapha berkata, semua pelatih terbabit tampil memberi keterangan kepada AADK secara sukarela, semalam.

Setakat ini, pegawai penyiasat mengambil keterangan lima pelatih bersama keluarga yang datang secara sukarela termasuk dari Terengganu, dan Pahang.

Keterangan diambil akan direkodkan bagi membolehkan AADK menjalankan siasatan, katanya di pejabat AADK Kelantan, semalam.

Menurutnya, pihaknya akan menjalankan siasatan menyeluruh dan terperinci untuk mencari keadilan supaya isu itu dapat diselesaikan secara baik.

“Esok (hari ini) pengurusan pusat rawatan berkenaan akan dipanggil memberi keterangan berhubung program rawatan dijalankan sebelum siasatan terperinci dijalankan,” katanya.

Menurutnya, sebelum ini setiap bulan, AADK menjalankan pemantauan rapi terhadap pusat rawatan berkenaan untuk mengenal pasti sama ada mereka mengikut garis panduan ditetapkan.

“Diakui pusat rawatan itu mengikut garis panduan ditetapkan dan belum ada sebarang aduan daripada pelatih mengenai kaedah rawatan dijalankan.

“Bagaimanapun, kami tetap menjalankan siasatan terperinci selepas menerima aduan,” katanya.

Sementara itu, ahli keluarga pelatih yang enggan dikenali berkata, dia sukarela tampil memberi keterangan kerana mahu mencari kebenaran dan membersihkan maruah anaknya.

“Saya mahu siasatan menyeluruh dijalankan supaya kesalahan sama tidak diulangi terhadap pelatih lain,” katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, seorang lelaki dikenali sebagai Fae berusia 19 tahun mendakwa sering diberi pil tidur di pusat rawatan berkenaan hingga terkejut apabila mendapati badannya dicacah tatu berlambang tengkorak bersama sarang labah-labah serta tulisan yang sukar difahami selepas bangun tidur.

Pada masa sama, Fae yang berasal dari Kuantan, Pahang mendedahkan dia bersama 44 pelatih di pusat rawatan itu nekad memboloskan diri selepas empat bulan menerima rawatan.

Bagaimanapun, perkara itu dinafikan pengasas pusat rawatan berkenaan, Mohd Zain Abu Bakar.